

Politik dan Kuasa: Kajian Terhadap Nahdlatul Wathan di Pulau Lombok, Indonesia, 1997-2010

Politics and Power: A Study on Nahdlatul Wathan in Lombok Island, Indonesia, 1997-2010

Hasbi Ardhani, Ishak Saat & Ahmad Zainudin Husin

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Email: hasbyardhani0124@gmail.com

Published: 12 May 2022

To cite this article (APA): Ardhani, H., Saat, I., & Husin, A. Z. (2022). Politics and Power: A Study on Nahdlatul Wathan in Lombok Island, Indonesia, 1997-2010. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(1), 29-40. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.1.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.1.3.2022>

Abstrak

Nahdlatul Wathan (NW) merupakan sebuah pertubuhan Islam terbesar di Pulau Lombok yang ditubuhkan oleh para ulama berwibawa pada tahun 1953. Usaha tersebut bermula sejak tahun 1926 lagi dengan tumpuan perjuangannya dalam bidang pendidikan, sosial dan dakwah Islamiyah. Pertubuhan ini tidak dapat lari daripada kecenderungan terhadap politik pasca kemerdekaan, khususnya era disentralisasi disebabkan oleh jumlah pengikutnya yang ramai. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis wadah politik dan kekuasaan yang diperjuangkan oleh pertubuhan tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah sejarah yang meliputi heuristik, kritikan sumber, interpretasi dan historiografi. Dapatkan menunjukkan penglibatan pengasas NW iaitu Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Madjid secara aktif dalam politik berikutan kejayaannya dalam pilihan raya pertama pada tahun 1955 membolehkan beliau dipilih menjadi anggota Dewan Konstituante. Kerjasama NW dengan parti politik lain sentiasa mengalami perubahan selari dengan keadaan semasa. Berikutan kejatuhan regim Soeharto, hubungan antara parti yang menganggotai NW mula retak berikutan wujudnya kepelbagaiannya ideologi yang didokong oleh pemimpin masing-masing. NW berjaya memenangi pilihan Gabenor, Bupati dan anggota DPRD-RI, Provinsi serta Kabupaten walaupun menghadapi tribulasi.

Kata kunci: Nahdlatul Wathan, Muhammad Zainuddin Abdul Madjid, politik, kekuasaan.

Abstract

Nahdlatul Wathan is the largest organization in Lombok Island founded by a charismatic Ulama in 1953. It has in fact been there since 1926. The organization movement focuses on the field of education, social and Islamic da'wah. Since NW has a large congregation, it cannot be avoided from political influence. This article aims to determine how politics and power are controlled by the organization. In this research, the historical method is used which contains heuristics, source of criticism, interpretation, and historiography. The results show that the founder of NW, namely Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Madjid, was directly involved in politics, as evidenced by the results of the first general election in 1955, where he was elected as a parliament member. In its development, NW's affiliation with political parties had shifted. Along with the fall of the Soeharto regime, NW experienced a split in its organization, which has different direction of political ideologies supported by their respective leaders. Upon its glory, NW managed to win the election of Governors, Regents and members of the DPRD-RI, Provinces, and Districts despite facing tribulations.

Keywords: Nahdlatul Wathan, Muhammad Zainuddin Abdul Madjid, politics, power.

Pengenalan

Dalam perbincangan sejarah gerakan politik di Pulau Lombok, peranan seorang ulama berwibawa yang juga pengasas sebuah pertubuhan Islam terpenting, iaitu Nahdlatul Wathan (NW) pada hari Ahad 15 Jumadil Akhir 1372 bertepatan dengan 1 Mac 1953 di Pancor Lombok Timur, Nusa Tenggara Barat (Nu'man, 1999) tidak dapat diketepikan. Tokoh tersebut ialah Tuan Guru Kiai Haji (TGKH) Muhammad Zainuddin Abdul Madjid. Beliau terkenal sebagai seorang yang sangat berjaya dalam membentuk perubahan pemikiran politik masyarakat di wilayah tersebut. Sumbangan beliau menyebabkan sebahagian besar masyarakat di Lombok dipengaruhi oleh fahaman politik yang disebarluaskan oleh tokoh daripada Nahdlatul Wathan (Fahrurrozi, 2015).

Nahdlatul Wathan merupakan sebuah pertubuhan keagamaan yang berfahaman Ahlussunnah wal Jamaah yang diasaskan di Pulau Lombok. Pertubuhan ini tidaklah sebesar pertubuhan keagamaan Islam yang bertaraf nasional di Indonesia seperti Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah. Walau bagaimanapun, pertubuhan NW sangat berpengaruh di Nusa Tenggara Barat (NTB) dan disenaraikan sebagai pertubuhan yang paling berjaya dalam melaksanakan aktiviti dakwah, pendidikan dan perjuangan wadah politik berteraskan pembangunan (Hamdi, 2018). Pengasas NW iaitu Tuan Guru Kiai Haji (TGKH) Muhammad Zainuddin Abdul Madjid merupakan seorang yang pernah terlibat secara langsung dalam memperjuangkan kemerdekaan Indonesia selepas Perang Dunia Kedua semasa era revolusi Indonesia. Beliau berpegang kepada prinsip, manakala parti politik hanyalah alat dan bukannya matlamat perjuangan. Beliau bergerak aktif dalam Parti Islam Masyumi dan memegang jawatan penting di bahagian wilayah Nusa Tenggara semasa era Soekarno (Hamdi, 2018). Beliau juga berpendapat bahawa politik merupakan keperluan dan bukannya larangan. Dalam hal ini, politik ialah salah satu wasilah al-dakwah (alat dakwah) yang sangat berkesan dalam membentuk sebuah negara yang mempunyai budaya yang selari dengan ajaran Islam. Politik diibaratkan seperti sebuah rumah kosong yang bebas diisi dengan suatu perkara yang dikehendaki oleh tuan rumah. Jika diisi dengan unsur Islam, perjuangan politik pasti akan bergerak selari dengan nilai tersebut sehingga membentuk sebuah negara yang berteraskan Islam.

Isu dan Permasalahan Kajian

Perubahan struktur masyarakat secara meluas seiring dengan kecanggihan teknologi turut menuntut para ulama untuk terus bergerak seiring dengan perkembangan terkini. Ia bagi memastikan ulama terus relevan sebagai aktor sosial politik dalam memperkuatkkan masyarakat agar selari dengan ajaran Islam (Muhammad Qasim, 2002). Perilaku dan ajaran tokoh keagamaan sangat berpengaruh kepada masyarakat. Keadaan yang sama turut berlaku dalam masyarakat muslim di Lombok. Perkara ini menyebabkan NW mampu menjadi pertubuhan yang sangat berpengaruh dalam mencorakkan pemikiran politik masyarakat di Pulau Lombok.

Para pemimpin NW memainkan peranan penting dalam kepemimpinan masyarakat di Pulau Lombok. Menurut Geertz (1960), ulama di sini tidak hanya sebagai "broker" dalam bidang kebudayaan dan kepemimpinan politik. Binder (1960) turut berpandangan seperti Geertz di mana masa hadapan peranan Islam sebagai modal sosial dan politik di Indonesia bergantung kepada ulamanya. Pandangan ini menunjukkan petanda bahawa ulama memiliki pengaruh yang sangat besar dalam membawa perubahan kepada masyarakat di Indonesia. Pengaruh yang besar ini wujud hasil jaringan madrasah dan jemaah di Pulau Lombok. Jaringan ini mendorong NW memperluaskan peranannya melalui penyertaan dalam politik. NW telah menjadi sasaran kepada pelobi politik baik di peringkat nasional mahu pun tempatan disebabkan oleh pengaruhnya yang luas. Oleh itu, artikel ini membincangkan sumbang NW dalam melahirkan golongan pemimpin yang berteraskan pengetahuan keagamaan melalui barisan kepemimpinan Indonesia khususnya di Pulau Lombok.

Kegiatan politik NW semakin aktif setelah kejatuhan rejim Soeharto. Hal ini kerana perubahan dasar yang lebih terbuka dengan membenarkan kebebasan politik dan akhbar. Dalam hal ini, keberadaan NW selalu menjadi perhatian parti politik di peringkat nasional kerana mempunyai jemaah

yang besar. Perpecahan dalam pertubuhan politik NW menyebabkannya berada dalam dua pengaruh iaitu Anjani dan Pancor. Perpecahan ini berlaku ketika muktamar ke-10 NW yang diadakan pada tahun 1998, setahun selepas pengasas NW iaitu TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid meninggal dunia. Persaingan antara kumpulan Anjani dan Pancor membawa kepada konflik dalaman NW yang ingin menguasai pertubuhan tersebut. Kumpulan NW tidak hanya bersaing dalam bidang pendidikan, sosial, dan dakwah, tetapi juga di pentas politik. Pancor dan Anjani mempunyai sejarah afiliasi politik yang berbeza sehingga menyebabkan persaingan hebat pada peringkat kepemimpinan sehinggalah kepada jemaahnya sewaktu pilihan raya umum, legislatif, ketua daerah dan juga presiden.

Kajian Lepas

Penyelidikan berkaitan dengan Nahdlatul Wathan dan biografi pengasasnya pernah dilakukan oleh Abdul Hayyi Nu'man dalam bukunya yang bertajuk ‘Biografi dan Perjuangan TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid’. Hasil penyelidikan ini mengisahkan tentang TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid yang menjadikan madrasah NWDI dan NBDI sebagai pusat gerakan dan forum untuk penjanaan semula pejuang kemerdekaan bagi membebaskan bangsa dan rakyat Indonesia, terutamanya penduduk Lombok daripada kolonial Belanda dan Jepun. Tuan Guru ialah tokoh yang sangat berpengaruh kerana kearifan, kebijaksanaan dan perjuangannya sehingga menjadikan orang bebas dari belenggu kejahilan (Nu'man, 1999). Selanjutnya, Kingsley (2010) dalam tesisnya yang bertajuk ‘Tuan Guru, Community, and Conflict in Lombok, Indonesia’ menyatakan bahawa Tuan Guru menggunakan status sosial dan agama dalam proses pengurusan konflik yang lebih halus daripada penegakan undang-undang. Peranan mereka sebagai pengantara dan penstabil sangat dihormati. Peranan yang diambil oleh pemimpin agama jelas tergambar kerana kepatuhan rakyat terhadap mereka sangat tinggi.

Saipul Hamdi (2015) dalam jurnalnya yang berjudul ‘Tuan Guru, Politik dan Kekerasan-Ritual dalam Konflik Nahdlatul Wathan di Lombok Nusa Tenggara Barat’ menjelaskan proses penglibatan Tuan Guru dalam konflik dalaman NW berpandukan kewibawaan dan karisma untuk mengesahkan kuasa dan kepentingan dalam politik. Hamdi juga mengatakan bahawa Tuan Guru telah meninggalkan tugas normatifnya sebagai tokoh agama dan pelindung masyarakat. Tuan Guru dianggap lebih mementingkan peranan politik daripada moral dan kerohanianya. Kesimpulannya, Tuan Guru dalam konflik dalaman NW adalah kecelakaan sejarah yang disebabkan oleh penyimpangan daripada tugas utama untuk melindungi, membimbing dan memperbetulkan kesalahan dalam masyarakat.

Penyelidikan oleh Syamsudin (1991) yang bertajuk ‘Religion and Politics in Islam: The case of Muhammadiyah in Indonesia’s New Order’ memfokuskan hubungan antara pertubuhan agama, khususnya Muhammadiyah dalam hubungannya dengan politik Orde Baru. Peranan politik alokatif menunjukkan pencapaian yang relatif, walaupun Muhammadiyah tetap berada dalam kedudukan yang rendah dalam hubungannya dengan negara. Peranan politik alokasi telah dilaksanakan oleh Muhammadiyah, sama ada mereka terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam parti. Kajian ini tidak terlalu menekankan peranan Muhammadiyah dalam mempengaruhi proses politik negara, dan tidak memberikan penjelasan yang jelas mengenai peranan politik Muhammadiyah dalam mempengaruhi dan mengubah agenda politik yang telah berjalan, serta batasan kajian hingga akhir 1980-an, yang disebut oleh banyak pemerhati sebagai permulaan negara menerapkan politik akomodatif terhadap Islam.

Pembacaan tentang beberapa pertubuhan masyarakat Islam di Indonesia, terutama Nahdlatul Wathan dan politik melalui jurnal, buku dan karya lain menunjukkan masih kurang penyelidikan tentang dinamik politik dan kuasa Nahdlatul Wathan dilaksanakan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mengisi kelomongan dalam dunia akademik mengenai Nahdlatul Wathan.

Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berteraskan kepada analisis dokumen dan sejarah lisan secara deskriptif. Realiti politik yang akan dibincangkan dalam penyelidikan ini berteraskan peristiwa masa lalu yang telah berlaku. Oleh itu, penyelidikan ini menggunakan

metodologi sejarah yang merangkumi empat langkah utama, iaitu Heuristik atau pengumpulan bahan, kritikan sumber, pentafsiran dan historiografi atau penulisan sejarah (Gottschalk, 1969). Penulisan artikel ini menggunakan dua kategori sumber, iaitu primer dan sekunder. Sumber primer yang digunakan terdiri daripada dokumen dan gambar yang diperoleh daripada pejabat Nahdlatul Wathan, perpustakaan Nusa Tenggara Barat, Perpustakaan Universiti Nahdlatul Wathan dan temu bual dengan responden yang berkaitan dengan tokoh dan pertubuhan yang dikaji. Sumber sekunder terdiri daripada bahan bercetak seperti buku dan jurnal ilmiah yang membincangkan aspek berkaitan dengan pertubuhan tersebut. Kritikan sumber dilakukan untuk menentukan keaslian dan kredibiliti sumber. Interpretasi data dilaksanakan untuk menganalisis serta menghuraikan data sehingga mampu membuktikan hasil penulisan ini. Tahap terakhir ialah historiografi atau proses penulisan artikel ini.

Penubuhan Nahdlatul Wathan di Pulau Lombok

Perbincangan tentang sejarah penubuhan NW di Lombok tidak dapat lari daripada perbincangan berkaitan kepentingan ulama yang berkarisma, iaitu TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid, yang menjadi pengasas pertubuhan ini. Beliau kembali ke Lombok dan dilantik sebagai Imam masjid dan khatib selepas menamatkan pengajian selama 12 tahun di tanah suci Makkah (Madrasah al-Saulatiyah) (Noor, 2004). Jawatan tersebut sangat dihormati oleh masyarakat di Pulau Lombok kerana jawatan itu hanya boleh disandang oleh ahli agama yang bertaraf Tuan Guru oleh masyarakat Lombok. Gelaran Tuan Guru di Pulau Lombok mempunyai persamaan tarafnya dengan gelaran Kiai di Pulau Jawa iaitu seorang ahli agama yang alim.

Pada tahun 1934, TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid mendirikan sebuah madrasah yang bernama al-Mujahidin di Pancor Lombok Timur. Usaha mendirikan madrasah adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti keagamaan masyarakat Lombok yang secara umumnya berada dalam keadaan yang lemah akibat kolonialisme Belanda dan penguasaan kerajaan Hindu yang cukup lama. Selain itu, penubuhan tersebut juga berkait rapat dengan usaha TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid untuk mendepani dua realiti sosial yang memerlukan satu landasan perjuangan. Pertama, perjuangan melawan musuh yang nyata, iaitu Belanda. Kedua, perjuangan membanteras kejahilan masyarakat Lombok terhadap ilmu agama Islam. Secara realitinya, masyarakat masih ketinggalan dalam ilmu agama pada awal abad ke-20. Mereka mengamalkan tradisi keagamaan yang bercampur dengan kepercayaan animisme (Masnun, 2007). Sokongan masyarakat Lombok kepada TGKH Muhammad Zainuddin sangat hebat sehingga madrasah yang ditubuhkannya mendapat sambutan yang menggalakkan.

Madrasah Nahdlatul Wathan Diniyah Islamiyah (NWDI) telah ditubuhkan oleh TGKH Muhammad Zainuddin pada 22 Ogos 1937 dengan kebenaran pihak pemerintah Belanda. NWDI didirikan khusus untuk pelajar lelaki sesuai dengan norma masyarakat pada ketika itu yang tidak melazimkan kaum wanita untuk mendapat pendidikan. Perkembangan selepas penubuhannya memperlihatkan kesedaran masyarakat semakin tinggi terhadap pendidikan dan mengubah norma tradisional dengan memberi peluang pendidikan kepada kaum wanita. Kesedaran ini membawa kepada penubuhan madrasah Nahdlatul Banat yang khusus untuk pelajar wanita pada 21 April 1943, selepas tujuh tahun madrasah NWDI beroperasi (Nu'man, 1999). Peranan NWDI dan NBDI tidak terhad dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran ilmu agama Islam sahaja. Namun situasi yang tidak kondusif akibat tekanan yang kuat daripada pemerintahan kolonial Belanda, TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid turut menggunakan kedua-dua institusi ini sebagai landasan untuk memupuk semangat perjuangan menentang Belanda. Kemampuan TGKH dalam menanam semangat perjuangan kepada para pelajarnya menyebabkan pihak Belanda memberikan tekanan untuk membubarkan madrasah tersebut (Masnun, 2007). Pemerintah kolonial Belanda mengesyaki madrasah NWDI dan NBDI berpotensi untuk menjadi ancaman kepada Belanda dalam meletakkan kembali kekuasaannya di Pulau Lombok selepas Perang Dunia Kedua. Tekanan pihak Belanda dapat diatasi daripada berkat kegigihan, semangat dan keberanian TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid, para guru, pelajar dan masyarakat di Pulau Lombok.

Kehadiran tentera *Netherlands Indies Civil Administrations* (NICA) yang terkenal dengan sikap agresif dan represif ke Pulau Lombok telah memacu kemunculan gerakan menentang kolonial Belanda. Gerakan ini digerakkan oleh TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid bersama pelajar, guru dan para jama'ah NWDI dan NBDI. Mereka menubuhkan sebuah pertubuhan yang dinamakan Al-Mujahiddini. Seterusnya, pertubuhan tersebut bergabung dengan gerakan Banteng Hitam dan Gerakan Bambu Runcing yang telah lama wujud di Pulau Lombok. Penyatuan tersebut meningkatkan semangat perjuangan bagi membela dan mempertahankan kemerdekaan bangsa Indonesia (Abdullah, 1992). Madrasah NWDI telah didakwa sebagai markas para penentang penjajah Belanda berikut daripada laporan perisik tentera NICA yang sebahagiannya terdiri daripada masyarakat setempat yang menyokong Belanda. Perkara ini membawa kepada penangkapan beberapa guru madrasah tersebut yang merupakan antara pejuang agama, nusa dan bangsa. Mereka dipenjarakan di tempat yang berbeza di mana TGH Ahmad Rifa'I Abdul Madjid dipenjara Ambon Maluku, TGH Muhammad Yusi Muhsin Aminullah di Praya Lombok Tengah dan sebahagian lagi dihantar ke Bali. Seterusnya, tentera NICA melalui satu mesyuarat rasminya memutuskan untuk menutup madrasah NWDI dan NBDI. Sebelum perlaksanaan proses penutupan madrasah dilaksanakan, terjadi peristiwa serangan ke atas kereta kebal milik NICA di Selong yang dipimpin oleh TGH Muhammad Faisal Abdul Madjid, iaitu adik kandung TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid pada 8 Jun 1946. Peristiwa itu menyebabkan beliau dan dua pelajar, iaitu Sayyid Muhammad Shaleh dan Abdullah terbunuh. Mereka disemadikan di Makam Pahlawan Rinjani Selong Lombok Timur (Masnun, 2007). Peristiwa ini menunjukkan bahawa peranan golongan agama sangat penting dalam menentang pendudukan penjajah Belanda di Pulau Lombok. Gerakan yang diketuai TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid yang disertai pelajar dan guru madrasah NWDI dianggap sebagai ancaman penting oleh Belanda. Kemelut ini menyebabkan Belanda mengambil keputusan untuk menutup dua madrasah yang merupakan institusi pendidikan agama yang juga dijadikan sebagai landasan untuk memperjuangkan kemerdekaan Indonesia di Pulau Lombok.

Perjuangan Madrasah NWDI dan NBDI Selepas Kemerdekaan Indonesia

Perkembangan madrasah NWDI dan NBDI daripada kualiti dan kuantiti sangat signifikan sejak awal penubuhannya. Madrasah yang menjadi cabang di bawah naungan NWDI dan NBDI banyak ditubuhkan di Pulau Lombok. Pada tahun 1953, seluruh cabang berjumlah 66 buah dan berbagai kegiatan sosial disertai dakwah Islamiyah yang dilakukan oleh abituren (sebutan dalam tradisi Nahdlatul Wathan untuk para alumni dan jama'ahnya) NWDI dan NBDI. Oleh itu, sebuah pertubuhan perlu memiliki wadah koordinasi, pembinaan, pemeliharaan dan penanggungjawaban atas segala amal yang dilakukan dalam bidang pendidikan, sosial dan dakwah (Noor, 2004). Selain itu, cita-cita Maulana Syaikh yang begitu besar untuk menubuhkan dan mengembangkan sebuah tradisi keilmuan atau intelektual moden di Pulau Lombok menjadi sebahagian daripada impian yang terus diperjuangkan (Burhanuddin, 2007). TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid dengan rasmi mendeklarasikan sebuah pertubuhan yang bernama Nahdlatul Wathan untuk merealisasikan impian ini dengan disertai sokongan dari Maulana Syaikh Hasan Muhammad Al-Masyyat (Guru Besar di Madrasah al-Saulatiyah, Makkah) dan para tuan guru yang lain. Nama pertubuhan ini merupakan gabungan daripada dua kata, iaitu Nahdlah dan al-Wathan. Nahdlah bermakna kebangkitan, pergerakan dan pembangunan, manakala al-Wathan bererti tanah air dan negara. Gabungan perkataan ini memiliki makna, kebangkitan tanah air (Nu'man, 1999). Berdasarkan kepada fakta di atas, jelas menunjukkan bahawa madrasah NWDI dan NBDI merupakan asas terbentuknya pertubuhan NW. Secara terminologi, Nahdlatul Wathan ialah pertubuhan masyarakat Islam Ahlussunnah Wal Jama'ah Ala Mazhabil Imam Syafi'I dengan memfokus kepada bidang pendidikan, sosial dan dakwah.

Penglibatan Nahdlatul Wathan Dalam Politik Indonesia

Strategi yang digunakan oleh pemimpin Nahdlatul Wathan bagi memastikan perjuangan pertubuhan tersebut terus relevan adalah dengan menyertai aktiviti politik. Mereka berpegang kepada prinsip, "Politik hanyalah satu cara dakwah dan juga jihad, tetapi perlaksanaannya bergantung kepada siapa yang menguasainya." (Temu bual bersama Tuan Guru Haji Hasanain, 2020, 25 Februari). Perlaksanaan amalan politik berdasarkan kepada nilai Islam ialah sesuatu yang realistik kerana masyarakat merupakan sebahagian daripada politik. NW tidak melarang anggotanya untuk terlibat

secara langsung di dalam dunia politik, selagi tidak terkeluar daripada ajaran Islam dan aturan-aturan pertubuhan.

Sejak penubuhan NW secara rasmi sebagai sebuah pertubuhan agama, TGKH Muhammad Zainuddin memutuskan untuk tidak menyertai pertubuhan dan parti politik lain. TGKH Muhammad Zainuddin memulakan kerjaya politiknya sebagai pembina Nahdlatul Ulama (NU) Sunda Kecil (Pulau Bali, Lombok, Sumbawa, Flores, Sawu, Sumba dan Rote) pada tahun 1950 (Nahdi, 2012). Seterusnya, beliau dilantik sebagai pengurus lembaga penasihat Parti Masyumi bagi Pulau Lombok pada tahun 1952 (Noor, 2004). Perubahan pendirian terhadap politik menunjukkan bahawa beliau mempunyai sifat inklusif terhadap parti politik yang berteraskan Islam tanpa menyimpang daripada prinsip pertubuhan NW.

Pada tahun 1955, NW bekerjasama dengan Parti Masyumi apabila TGKH Muhammad Zainuddin menyatakan hasrat untuk menyertai parti tersebut. Pendirian tersebut dibuat setelah mempertimbangkan kedudukan Parti Masyumi sebagai parti terbesar di Indonesia dengan latar belakang Islam. Beliau yakin bahawa Islam boleh menjadi kuasa politik paling berpengaruh melalui Parti Masyumi. Parti itu berhasrat mengubah realiti pada awal kemerdekaan Indonesia yang kelihatan mengabaikan kedudukan Islam. Beliau berhasrat untuk meningkatkan kesedaran pemimpin Islam agar bertanggungjawab untuk bersatu menegakkan Islam dalam politik Indonesia melalui Parti Masyumi (Noer, 1987). Gerakan itu terbukti berjaya apabila beliau menjadi wakil rakyat yang paling berpengaruh dalam kabinet Hatta (Faith, 1973).

TGKH Muhammad Zainuddin kemudian mengubah arah sokongan politiknya kepada Parti Golongan Karya (GOLKAR) pada tahun 1971. Sokongannya kepada Parti GOLKAR dipengaruhi oleh beberapa pertimbangan dan fakta politik. Pertama, parti GOLKAR ialah parti yang berjaya menumbangkan gerakan 30 S/PKI (30 September Parti Komunis Indonesia) era Orde Baru. Kedua, aspirasi Nahdlatul Wathan lebih realistik untuk dilaksanakan menerusi kerjasama dengan Parti Golkar (Noor, 2004). Ketiga, GOLKAR merupakan parti besar yang berjaya memenangi pilihan raya tahun 1971 dengan perolehan suara nasional sebesar 73% (Burhanuddin & Ahmad Baedowi, 2003). Pada pilihan raya tahun 1971, TGKH Muhammad Zainuddin berjaya menjadi anggota MPR-RI melalui Parti GOLKAR (Noor, 2004). Selain itu, kader terbaik NW Haji Lalu Gede Wiresentane berjaya menjadi anggota DPR-MPR RI untuk tempoh 1978-1982 berikutan kerjasamanya dengan Parti Golkar. Penglibatan politik TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid berada pada penghujungnya apabila berlakunya krisis dalaman NW. Beliau menyatakan pendiriannya untuk berundur dari dunia politik. Langkah tersebut dikenali sebagai “gerakan tutup mulut”. Konflik dalaman NW bukan sahaja memberi kesan kepada pertubuhan, tetapi juga kepada madrasah yang dikelolakannya kerana aramai ahli jawatankuasa NW juga merupakan pengendali madrasah. Keadaan ini berterusan sehingga ke tahun 1983. Nahdlatul Wathan Diniyah Islamiyah (NWDI), memutuskan bahawa NW akan kembali ke Khittah NW 1936 yang memberi tumpuan kepada usaha pembudayaan sebagaimana awal pembentukannya iaitu pemerkasaan bidang pendidikan, sosial dan dakwah ketika ucapan hari ulang tahun (HULTAH) ke-47 (Nahdi, 2012). Keputusan untuk NW kembali ke Khittah 1936 merupakan pilihan yang tepat sehingga mampu menjalankan peranan utamanya sebagai pertubuhan agama yang membimbing dan membina umat Islam di Pulau Lombok.

Keputusan NWDI untuk tidak menyekat ahlinya menyertai parti politik yang lain menyebabkan terdapat pemimpin tertinggi NWDI yang memegang jawatan penting dalam parti politik di Indonesia. Perkara ini menimbulkan kekeliruan kepada jemaah NW berhubung dengan kedudukan pertubuhan dengan parti politik, termasuklah kepemimpinan tertinggi NW yang bergiat aktif dalam parti politik. Sebagai contohnya, pada pilihan raya tahun 1999, pertubuhan NW dilihat bekerjasama dengan Parti Daulat Rakyat (PDR) apabila Haji Muhammad Syubli (Menantu TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid) dan Tuan Guru Haji Ma'shum Ahmad (Saudara TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid) bergerak aktif sebagai kakitangan pertubuhan NW. Dalam pilihan raya tersebut, mereka masing-masing berjaya diangkat menjadi anggota Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Lombok Timur dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Provinsi Nusa Tenggara

Barat (NTB) untuk penggal 1999-2004. Hal yang sama juga berlaku ketika pilihan raya 2004, apabila Tuan Guru Muhammad Zainul Majdi (Cucu TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid) menyertai Parti Bulan Bintang (PBB). Melalui penyertaannya dalam PBB, beliau berjaya memenangi pilihan raya 2004 dan seterusnya menjadi anggota Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR-RI) serta wilayah pilihan NTB. Rentetan itu, kerjaya politik beliau semakin cemerlang dalam pilihan raya ketua daerah Provinsi NTB pada tahun 2008 apabila beliau yang mewakili PBB berjaya memenangi pilihan raya tersebut dan diangkat menjadi Gabenor NTB untuk tempoh 2009 -2014. Pada masa yang sama, beliau juga merupakan Ketua Umum Pengurus Besar Nahdlatul Wathan (PBNW). Keadaan ini menimbulkan kekeliruan kepada jemaah kerana mereka menyangka NW bergabung dengan sebuah parti politik apabila pemimpin pertubuhan tersebut terlibat sebagai pemimpin parti tertentu. Secara umumnya, ramai pemimpin NW yang menyertai parti politik tertentu secara individu, namun dianggap bergabung secara pertubuhan.

Perkembangan Politik NW Selepas TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid

NW semakin tidak stabil selepas TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid meninggal dunia. Keadaan menjadi semakin sukar setelah Ketua Umum Pengurus Besar Nahdlatul Wathan (PBNW), Lalu Gede Wiresentane (suami Sitti Raihanun) yang merupakan manantunya juga turut meninggal dunia sebulan kemudian. Keadaan ini menyebabkan kekosongan jawatan Ketua Umum PBNW. Jawatan tersebut dipangku oleh Haji Maksum Ahmad sehingga Muktamar ke-10 diadakan pada 23-25 Julai 1998 di Praya Lombok Tengah (Burhanuddin & Ahmad Baedowi, 2003).

Muktamar ke-10 ini menjadi peristiwa sejarah gelap dalam Nahdlatul Wathan apabila berlakunya konflik kepemimpinan antara kedua-dua anak kandung TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid, iaitu Sitti Rauhun dan Sitti Raihanun. Isu utama yang mencetus konflik tersebut adalah perebutan jawatan Ketua Umum Pengurus Besar Nahdlatul Wathan yang menjadi penentu arah NW dalam arena politik tempatan Lombok. Para jemaah bersepakat untuk memilih Sitti Raihanun apabila Sitti Rauhun mengumumkan untuk mengundurkan diri kerana beliau menyedari bahawa aturan dalam Nahdlatul Wathan telah menetapkan seorang pemimpin pertubuhan tidak boleh dipilih dalam kalangan wanita ketika muktamar. Pertubuhan NW hanya membolehkan wanita menjadi pimpinan apabila jemaah atau pengikutnya hanya terdiri daripada kaum wanita. Pada tahap pertama, terdapat tiga nama yang dicalonkan sebagai pemimpin PBNW iaitu Sitti Rauhun, Sitti Raihanun dan Haji Maksum Ahmad. Namun, hanya dua calon yang dipertandingkan setelah Sitti Rauhun mengundur diri. Akhirnya, Sitti Raihanun terpilih menjadi Ketua Umum Pengurus Besar Nahdlatul Wathan dengan Sekretariat Jeneralnya, iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hayyi Nu'man. Keputusan tersebut dikecam dan ditolak oleh Sitti Rauhun dengan alasan wanita tidak boleh menjadi pemimpin Nahdlatul Wathan. Walau bagaimanapun, Sitti Raihanun mendapat keabsahan untuk menjadi pemimpin kerana anggota Dewan Mustasyar, iaitu Tuan Guru Haji Ruslan Zain dan Tuan Guru Haji Hilmy Najamuddin mengeluarkan fatwa bahawa wanita dibenarkan menjadi pemimpin NW (Burhanuddin & Ahmad Baedowi, 2003). Sitti Rauhun dan pengikutnya yang menolak keputusan dan fatwa tersebut, kemudian melakukan Muktamar Reformasi pada tahun 1999 di Mataram, Lombok. Proses itu menghasilkan pimpinan baru untuk Pengurus Besar Nahdlatul Wathan (PBNW) iaitu Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainul Majdi sebagai Ketua Umum dan Tuan Guru Haji Abdul Hanan sebagai Sekretariat Jeneral. NW terpecah kepada dua kelompok kerana memiliki struktur kepemimpinan berbeza daripada muktamar tersebut. Polemik dalam ini kemudian memberi impak penting kerana kedua-dua serpihan tersebut menyokong parti politik yang berbeza. Kelompok Sitti Rauhun menyertai Parti Daulat Rakyat (PDR) sedangkan Siti Raihanun menyertai Parti Golongan Karya (GOLKAR) ketika pilihan raya pada tahun 1999 (Nahdi, 2012).

Pilihan raya tahun 1999 tidak memberi impak penting kepada keberadaan NW sebagai pertubuhan kesan daripada perpecahan yang berlaku. Penyertaan politik NW tidak terlalu mendominasi kerana jemaah NW memiliki pandangan politik yang berbeza kerana tidak adanya arahan daripada pertubuhan NW secara langsung berhubung dengan sokongan terhadap parti (Ustaz Sairi, 2020, 4 Mac). Dalam pilihan raya tahun 2004, kedua-dua pemimpin memilih untuk menyertai parti politik yang berbeza. Sitti Rauhun memilih berafiliasi dengan Parti Bulan Bintang (PBB) dan

Sitti Raihanun berafiliasi dengan Parti Bintang Reformasi (PBR). Salah seorang kader NW dari kelompok Sitti Rauhun terpilih menjadi anggota Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR-RI) iaitu TGKH Zainul Majdi yang pada ketika itu merupakan Ketua Umum PBNW (Hamdi, 2014). Penglibatan politik Sitti Rauhun dalam PBB berterusan sehingga pilihan raya Ketua Daerah pada tahun 2009. Dalam pilihan itu, ulama NW dari kelompok Sitti Rauhun iaitu TGKH Muhammad Zainul Majdi berjaya diangkat menjadi Gabenor untuk tempoh 2009-2013. Seterusnya, penyertaan politik dalam kalangan jemaah Nahdlatul Wathan terus berubah-ubah. Sitti Rauhun bersama pengikutnya telah mengubah sokongannya dengan menyertai Parti Demokrasi Rakyat (Demokrat) dan Sitti Raihanun menyertai Parti Gerakan Indonesia Raya (Gerindra). Situasi ini memperlihatkan bahawa agenda politik NW sangat dinamik dan tidak mementingkan ideologi atau parti tertentu. Secara umumnya, penglibatan NW dalam pentas politik hanya bermatlamatkan kemaslahatan ummat dan bukannya untuk kepentingan peribadi atau kelompok tertentu. Bagi NW, politik merupakan strategi di dalam mempertahankan keberadaannya sebagai pertubuhan agama terbesar di Pulau Lombok. Keputusan untuk terlibat secara langsung di dunia politik tidaklah sia-sia. Usaha ini terbukti dengan kejayaan NW menonjolkan pemimpin terbaiknya untuk menjadi ketua daerah dan anggota parlimen.

Perkembangan politik NW tersebut menjadi bukti bahawa pertubuhan agama tidak hanya sebagai wadah untuk berkumpul atas alasan persamaan nilai, visi dan semangat perjuangan, tetapi mampu menjadi penghubung di antara masyarakat dengan pemerintah. Aktiviti pertubuhan keagamaan seperti ini sering disamakan dengan parti politik sehingga akhirnya mendorong mereka menjadi rakan kerjasama yang bermakna. NW menyalurkan aspirasi pertubuhan melalui parti politik, manakala parti politik pula memanfaatkan pertubuhan tersebut untuk mendapat sokongan dalam pilihan raya. Kerjasama ini memperlihatkan bahawa aktiviti pertubuhan merupakan jalan pintas yang paling strategik untuk memperjuangkan sebuah kepentingan.

Peranan sebagai ahli politik yang dimainkan oleh golongan elit NW mempunyai banyak persamaan dengan ahli politik pada umumnya. Sebagai contoh, proses kempen yang menawarkan rancangan untuk kesejahteraan masyarakat, pengenalan diri kepada masyarakat umum dengan tujuan untuk disokong sebagai anggota parlimen, bupati dan gabenor. Namun begitu, ada sesuatu yang mencirikan elit NW ketika terlibat secara langsung dalam politik, iaitu memiliki pengiktirafan sebagai tokoh agama daripada masyarakat. Tujuannya adalah untuk melaksanakan tuntutan amar makruf nahi mungkar. Selain itu, proses kempen yang dilakukan dikenali sebagai majlis taklim dalam kalangan masyarakat Lombok yang lazimnya diadakan pada setiap minggu. Dalam ceramah tersebut, elit NW mengajak jemaah untuk menyokong dan memilihnya sebagai anggota parlimen atau jawatan eksekutif lain yang ditandinginya.

Kejayaan strategi tersebut dilihat berkesan dalam beberapa siri pilihan raya seperti pada tahun 2004 yang memperlihatkan elit NW berjaya diangkat sebagai calon parlimen di peringkat daerah, provinsi dan pusat. Tuan Guru Haji Junaidi Ahmad dan Tuan Guru Haji Mahsup dari Parti Bulan Bintang (PBB), Tuan Guru Haji Musta'rif dan Tuan Guru Haji Nasruddin dari Parti Bintang Reformasi (PBR) adalah calon parlimen di Kabupaten Lombok Timur. Calon parlimen di peringkat wilayah seperti Tuan Guru Haji Syafi'i Ahmad dari PBB, Tuan Guru Haji Abdul Hayyi Nu'man dari PBR. Calon parlimen di peringkat pusat termasuk Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainul Majdi dari PBB, Tuan Guru Haji Salehuddin, Tuan Guru Haji Abdul Rahim dan Tuan Guru Muhammad Anwar. Selanjutnya, calon anggota Dewan Perwakilan Daerah (DPD) ialah Tuan Guru Muslih Ibrahim dan Tuan Guru Munajib (Komisi Pilihan Umum, 2005). Pilihan raya 2009 juga mencatatkan beberapa nama elit NW yang berjaya menjadi anggota parlimen di peringkat daerah, wilayah dan pusat. Antaranya ialah Tuan Guru Haji Abdul Hayyi Nu'man dari PBR, Tuan Guru Haji Hazmi Hamzar PPP dan Tuan Guru Haji Lalu Abdul Muhyi Abidin yang merupakan anggota DPD (Komisi Pilihan Umum, 2009).

Perpecahan yang berlaku dalam NW memperluaskan lagi penglibatan mereka dalam politik. Sokongan terhadap parti politik yang berbeza antara kelompok NW Anjani dan Pancor memuncak dalam pilihan raya tahun 2004 apabila kumpulan Anjani bekerjasama dengan Parti Bintang Reformasi

(PBR) dan kumpulan Pancor bergabung dengan Parti Bulan Bintang (PBB). Setiap kumpulan sentiasa mendapat banyak sokongan daripada masyarakat Pulau Lombok dan berjaya menonjolkan tokoh terbaiknya untuk menyandang jawatan strategik dalam pemerintahan. Kumpulan Anjani dengan PBR sebagai sekutunya meraih kira-kira 18.6% suara atau 6 kerusi di Parlimen Wilayah. Kumpulan Pancor bersekutu dengan PBB memperoleh lebih banyak suara daripada Anjani iaitu 21.13% atau 7 kerusi. Di peringkat nasional, setiap kumpulan berjaya memenangkan kadernya iaitu Tuan Guru Zainul Majdi dari kumpulan Pancor, diikuti dengan Lalu Gede Syamsul Mujahidin dari kumpulan Anjani (Komisi Pilihan Umum, 2004-2009). Persaingan antara dua kelompok berterusan sehingga pilihan raya tahun 2009. Persaingan ini tidak dapat dihentikan sehingga ke pilihan raya Ketua Daerah yang pertama di Nusa Tenggara Barat pada tahun 2008.

Pada pilihan raya Ketua Daerah tahun 2008, NW kelompok Pancor berjaya menonjolkan tokoh terbaiknya iaitu TGH Muhammad Zainul Majdi yang terkenal dengan nama Tuan Guru Bajang (TGB) untuk menjadi Gabenor Nusa Tenggara Barat (NTB) dengan sokongan Parti Bulan Bintang dan Parti Keadilan Sejahtera (PKS) setelah meraih 847 979 atau 38.84% undi. Seterusnya, Pemilukada 2013, kelompok Pancor sekali lagi berjaya dengan tokoh yang sama. Pencapaian kumpulan Anjani pada 2008 terserlah dengan sokongannya kepada Lalu Srinate dan Husni Jibril dengan Parti Golkar dan PDIP, memperoleh 581 berbanding 123 suara atau kira-kira 26.39%. Pada 2013, kelompok Anjani menyatakan sokongan terhadap pasangan Harun Al Rasyid dan Lalu Abdul Muhyi Abidin, tetapi kelompok Anjani tidak pernah berjaya menghantar sepasang calon yang disokongnya menjadi pemenang (Komisi Pilihan Umum 2008-2013).

Pencapaian Tokoh Politik Nahdlatul Wathan di Pulau Lombok

Kejayaan terpenting Nahdlatul Wathan ialah kejayaan Tuan Guru Haji Muhammad Zainul Majdi (TGB) yang dilantik sebagai Gabenor setelah memenangi pilihan raya pada 2008. Beliau yang disokong penuh oleh PBB dan Parti Keadilan Sejahtera (PKS) berjaya mendapatkan undi sebanyak 581 123 (26.39%), sementara pesaing politiknya, iaitu Lalu Srinate memperolehi 387,875 suara (17.77%) dan calon Nanang Samudra yang mendapat 370,919 suara (16.99%) (Komisi Pilihan Umum, 2008). Kecemerlangan dan kebijaksanaan TGB tidak dapat dinafikan dalam Pilihan Umum seterusnya, iaitu tahun 2008 dan 2013. TGB merupakan tokoh penting NW setelah datuknya meninggal dunia serta sangat popular dalam kalangan masyarakat Lombok. Pengetahuan agama dan cara berdakwah yang sopan membuka hati masyarakat untuk mendukung dan memilihnya.

Perlu diperjelaskan bahawa agenda politik praktikal bukanlah tujuan utama Nahdlatul Wathan, tetapi ia merupakan instrumen pelengkap dakwah (Temu bual bersama Tuan Guru Haji Hasanain, 2020, 25 Februari). Jika ditafsirkan pernyataan ini, tujuan NW bukanlah untuk menjadi Gabenor, Bupati dan anggota parlimen, tetapi digunakan sebagai media dalam memperjuangkan hak-hak rakyat (ummah). Hasanain juga percaya bahawa pemimpin NW menyetujui matlamat memperjuangkan tujuan pertubuhan melalui politik. Pertubuhan NW sangat mementingkan keputusan yang dibuat secara muafakat dan berteraskan konsep persefahaman. Kesefahaman bersama harus dilaksanakan secara ikhlas dan sepakat berdasarkan walaupun hasilnya salah kerana Allah SWT akan tetap memberikan ganjaran. Jika hasilnya betul maka kebenaran dari Allah SWT adalah dua kali ganda (Temu bual bersama Tuan Guru Haji Hasanain, 2020, 25 Februari).

Kejayaan Tuan Guru Haji Muhammad Zainul Majdi (TGB) yang pertama kali bertanding dan menjadi gabenor NTB dicatatkan sebagai Gabenor termuda di Indonesia pada ketika itu. Kejayaannya berkait rapat dengan kemasyhuran dan statusnya sebagai elit NW (Ketua PBNW). Sokongan yang diberikan oleh parti politik tidak benar-benar memberi kesan kepada suara yang diperoleh. Menerusi didikan di madrasah kelolaan NW dan juga statusnya sebagai tuan guru berjaya menumbangkan saingan politiknya dan berjaya dengan suara terbanyak. Kemenangan TGB bukan hanya disebabkan oleh perhatian NW dan para gurunya, tetapi mendapat manfaat dari beberapa perkara seperti pemimpin agama yang pertama kali maju sebagai gabenor, masih muda, modal sosial yang jelas, pengalaman sebagai anggota wakil parlimen NTB dan sering menyampaikan kuliah agama ke seluruh wilayah NTB, terutamanya di Lombok.

Pencapaian TGB merupakan kejayaannya dalam melaksanakan transformasi nilai sosial dan spiritual untuk berada di puncak kekuasaan. TGB memiliki latar belakang pendidikan di madrasah kelolaan pertubuhan agama yang terbesar di Pulau Lombok, iaitu NW yang mempunyai ribuan sekolah agama lain yang tersebar di Pulau Lombok serta jumlah jemaah yang ramai. Beliau dikatakan mempunyai potensi untuk menjadi penerus kepada legasi datuknya yang merupakan pengasas NW (Tuan Guru Kiai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Madjid). TGB juga dikenali sebagai ahli agama yang berkarisma dan sangat disegani. Keberhasilannya itu menjadi inspirasi para guru dan penuntut di NW untuk turut terlibat dalam dunia politik dan seterusnya berkemampuan untuk meraih puncak kekuasaan bagi menyebarluas aktiviti dakwah kepada masyarakat di seluruh Indonesia.

Kejayaan TGB di pentas politik, khususnya dalam pilihan raya ketua daerah adalah hasil perjuangan keras dan sikap enggan menyerah. Beliau juga memiliki penyokong yang setia dalam kalangan jemaah NW. Selain itu, beliau merupakan Ketua PBNW dan cucu pengasas pertubuhan agama terbesar di Pulau Lombok. Beliau juga sering menyampaikan ceramah ke segenap wilayah dan sentiasa memberi salam kepada semua jemaahnya. Ringkasnya, kemenangan yang diperolehnya adalah perjuangan yang disertai dengan pengorbanan perasaan, harta benda, pemikiran serta wibawa sebagai seorang pemimpin agama.

Sebagai ketua PBNW, TGB layak mendapat kejayaan kerana kedudukan beliau sebagai ketua pertubuhan terbesar yang memiliki jemaah paling ramai. TGB tidak merasa bangga dengan kelebihan yang dimiliki. Tambahan pula, dalam kerjaya politik, modal sosial tidak selalu menjamin kejayaan seseorang tokoh, sebaliknya turut dibantu oleh banyak faktor. Antaranya, pendekatan yang diambil dalam menarik minat pengundi. TGB sebagai ahli agama memainkan peranan yang sangat berkesan dalam menarik minat pengundi. Beliau sering mengunjungi kawasan atau lokasi antara enam hingga sebelas lokasi sehari untuk mendapatkan maklumat tentang kemaslahatan masyarakat (Temu bual bersama Ustaz Irzani, 2020, 18 Mac). Beliau bukan sahaja mengunjungi masyarakat sekadar untuk beramah mesra tetapi menyampaikan ceramah, nasihat agama dan pembersihan rohani. Sikap ini mampu mendekatkan dirinya secara emosi dengan masyarakat yang juga pengundi.

Elit-elit NW menyedari bahawa jawatan awam merupakan instrumen yang efektif untuk melakukan penambahbaikan dan perubahan pada masyarakat dengan cepat. Gandingan antara ilmu agama dan kedudukan serta kekuasaan politik mampu merealisasikan usaha memperbaiki rohani dan jasmani masyarakat. Usaha mempertingkatkan tahap kesejahteraan masyarakat juga dapat dilaksanakan dengan lebih mudah, termasuklah dalam hal dakwah. NW juga berpegang kepada prinsip bahawa kekuasaan itu penting untuk membolehkan aktiviti dakwah dan jihad dapat dilaksanakan dan diperkembangkan dengan lebih efektif. Dalam kalangan pimpinan NW juga berpendapat bahawa dakwah melalui politik lebih berkesan kerana membolehkan mereka menggubal dasar serta program secara sah (Temu bual bersama Tuan Guru Haji Hassanain, Ustaz Irzani, & Tuan Guru Haji Najmul, 2020). Kenyataan ini memperlihatkan bahawa kepemimpinan NW mempunyai pandangan yang lebih rasional dan praktikal dalam merancang dan melaksanakan usaha dakwah.

Penglibatan elit-elit NW dalam pentas politik menjadi permulaan yang baru kepada kemajuan sosial dan ekonomi masyarakat di Pulau Lombok. Pertubuhan NW tidak hanya menguruskan pondok madrasah sahaja, namun melaksanakan aktiviti dakwah melalui ceramah ke seluruh Pulau Lombok. Perkembangan di peringkat nasional yang membawa kepada pengenalan sistem pemerintahan bercorak desentralisasi turut meningkatkan ruang kepada masyarakat segenap lapisan untuk terlibat dalam parti politik dan lembaga pemerintahan. Pendidikan yang dikendalikan oleh NW melahirkan jemaah yang kuat dari aspek kerohanian. Keberadaan madrasah di segenap pelusuk Pulau Lombok mampu melahirkan masyarakat yang mempunyai pemahaman mendalam terhadap agama Islam yang seiring dengan akidah yang benar. Ini memudahkan perlaksanaan aktiviti pembangunan sosial, ekonomi dan politik dilaksanakan menerusi saluran tersebut.

Kesimpulan

Pengenalan sistem pemerintahan bercorak desentralisasi di Indonesia telah membuka ruang yang luas kepada masyarakat untuk terlibat dalam politik. Kesempatan ini turut digunakan oleh para ulama madrasah seperti kepemimpinan NW untuk terlibat secara aktif dalam politik bagi meneruskan kelangsungan dakwah mereka, di samping berbakti kepada masyarakat dan negara. Perubahan sistem pemerintahan melahirkan fenomena baru di Pulau Lombok dengan memperlihatkan lahirnya pemimpin dan tokoh politik dalam kalangan ulama Islam yang mendapat pendidikan di sekolah agama kelolaan Nahdlatul Wathan. Kekuatan politik yang dimiliki oleh NW iaitu jumlah jemaah yang sangat ramai dan meliputi seluruh Pulau Lombok menyebabkan pertubuhan tersebut menjadi sasaran parti politik untuk mendapatkan sokongan daripada masyarakat di sana. Kesempatan ini digunakan oleh pemimpin NW untuk terlibat aktif dalam dakwah dan jihad melalui politik. Langkah tersebut difikirkan lebih efektif dengan jangkauan yang lebih luas selain membolehkan usaha untuk mewujudkan solidariti para jemaah NW di seluruh Pulau Lombok.

Kejayaan salah seorang pemimpin NW iaitu TGB diangkat sebagai Gabenor telah meningkatkan keyakinan jemaah kepada pertubuhan tersebut. Di samping itu, kejayaan beberapa pemimpin lain yang diangkat menjadi ketua daerah dan anggota parlimen menjadi bukti bahawa NW bukan hanya pertubuhan keagamaan, tetapi mampu menjadi tempat dalam mengasah bakat kepemimpinan dalam kalangan masyarakat Pulau Lombok. Mereka juga dididik dengan doktrin bahawa politik merupakan alat dakwah. TGB pernah mengungkapkan bahawa semua aspek kehidupan sebagai media untuk berdakwah, termasuk politik. Jika politik dianggap menjadi saluran dakwah yang berkesan, maka menjadi satu keperluan kepada ulama untuk terlibat secara langsung dalam politik. Peluang untuk melaksanakan program Ishlah al-Ummah (memperbaiki ummat) melalui saluran politik menjadi satu keperluan bagi para pendakwah untuk melibatkan diri dalam arena ini.

Elit NW perlu sentiasa mempelopori kaedah memasyarakatkan pertubuhan tersebut secara lebih efektif untuk terus kekal relevan dengan keperluan semasa masyarakat di Pulau Lombok khususnya, dan Indonesia secara amnya. Langkah melaksanakan refleksi dan reorientasi terhadap hala tuju NW sebagai pertubuhan keagamaan terbesar di Pulau Lombok perlu dilaksanakan secara berterusan. Usaha ini bertujuan untuk mengubah pandangan masyarakat tentang pertubuhan NW yang sering dirujuk sebagai madrasah seperti NW ditubuhkan ketika dahulu. Masyarakat sentiasa mengharapkan agar pertubuhan tersebut memainkan peranan penting dalam melahirkan pemimpin yang berteraskan pengetahuan agama demi masa depan negara yang gemilang. Oleh itu, NW perlu mempersiapkan diri untuk terus bertahan berikutan perubahan lingkungan dan sosio politik sezaman. NW dengan elitnya harus mampu menilai keperluan semasa masyarakat dan negara agar sentiasa relevan.

RUJUKAN

- Abdullah, M. N. (1992). *Teologi Nahdlatul Wathan suatu perbandingan antara teologi Asy'ari dan Al-Maturidi*. Jakarta: IAIN Syarif Hidayatullah.
- Binder, L. (1960). Islamic tradition and politics: The Kijaji and the Alim. *Comparative Studies in Society and History*, 2(2). DOI: <https://doi.org/10.1017/S0010417500000682>.
- Burhanuddin, J., & Ahmad Baedowi. (2003). *Transformasi otoritas keagamaan pengalaman Islam di Indonesia*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Burhanuddin. (2007). *Nahdlatul Wathan dan perubahan sosial*. Yogyakarta: Genta Press.
- Fahrurrozi. (2015). *Tuan Guru (Eksistensi dan tantangan peran dalam transformasi masyarakat)*. Jakarta: Sanabil.
- Faith, H. (1973). *The decline of constitutional democracy in Indonesia*. New York: Cornell University Press.
- Geertz, C. (1960). The Javanese Kijaji: The changing role of a cultural broker. *Comparative Studies in Society and History*, 2(2). DOI: <https://doi.org/10.1017/S0010417500000670>.

- Gottschalk, L. (1969). *Understanding history: A primer of historical method (2nd Edition)*. New York: Alfred A. Knoff.
- Hamdi, S. (2014). Politik Islah: Re-negosiasi Islah, konflik, dan kekuasaan dalam Nahdlatul Wathan di Lombok Timur. *Jurnal Kaswitra*, 1(1).
- Hamdi, S. (2018). Integrasi budaya, pendidikan, dan politik dalam dakwah Nahdlatul Wathan (NW) di Lombok: Kajian biografi TGH. Zainuddin Abdul Madjid. *JSW: Jurnal Sosiologi Walisongo*, 2(2).
- Kingsley, J. (2010). Tuan Guru, community and conflict in Lombok, Indonesia. *Thesis Ph.D*, University of Melbourne.
- Komisi Pilihan Umum (KPU). (2004-2018). Nusa Tenggara Barat. www.ntb.kpu.go.id.
- Masnun. (2007). *Tuan Guru Kyai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Madjid: Gagasan dan gerakan pembaharuan Islam di Nusa Tenggara Barat*. Mataram: Pustaka Al-Miqdad.
- Muhammad Qasim, Z. (2002). *The Ulama in contemporary Islam custodians of change*. Princeton, New Jersey: PrincetonUniversity Press.
- Nahdi, K. (2012). *Nahdlatul Wathan dan peran modal: Studi Etnografi-Historis modal spiritual dan sosiokultural*. Yogyakarta: Insyira.
- Noer, D. (1987). *Parti Islam di pentas nasional*. Jakarta: Graffiti Press.
- Noor, M. (2004). *Visi kebangsaan religius: Refleksi pemikiran dan perjuangan Tuan Guru Kyai Haji Muhammad Zainuddin Abdul Madjid*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Nu'man, A. H. (1999). *Maulana Syaikh TGKH Muhammad Zainuddin Abdul Madjid: Riwayat hidup dan perjuangannya*. Lombok: Pengurus Besar Nahdlatul Wathan.
- Syamsudin, M. D. (1991). *Religion and politics in Islam: The case of Muhammadiyah in Indonesia's New Order*. Los Angels: California University.
- Tuan Guru Haji Hassanain Junaini, Sekretaris Jenderal Pengurus Besar NW. (2020, 25 Februari). Lombok Barat.
- Tuan Guru Haji Najmul Akhyar, Ketua Umum Pengurus Daerah NW Lombok Utara. (2020, 21 Februari). Lombok Utara.
- Ustaz Irzani, Sekretaris Jenderal Pengurus Daerah NW Nusa Tenggara Barat. (2020, 18 Mac). Mataram.
- Ustaz Sairi, Abituren NW. (2020, 4 Mac). Lombok Barat.